

# LAMPIRAN E

## SOALAN TEMU BUAL BERSTRUKTUR

### Soalan Umum :

1. Bolehkah tuan jelaskan sejarah pelaksanaan saham wakaf di MAIS ?
2. Unit/ Bahagian mana yang bertanggungjawab menguruskan saham wakaf tersebut dan bagaimana pula peranan yang telah dimainkan oleh unit/ bahagian tersebut?
3. Bagaimana pula tuan melihat pencapaian saham wakaf di MAIS?
4. Bagaimana sambutan masyarakat Negeri Selangor berhubung saham wakaf oleh MAIS?
5. Apakah cabaran dan masalah yang dihadapi dalam menguruskan saham wakaf di MAIS?

### Soalan Khusus :

#### **1. Fokus : Perancangan Pelaksanaan Saham Wakaf Selangor**

1. Bagaimanakah bentuk perancangan-perancangan yang telah dilakukan oleh MAIS berhubung Saham Wakaf Selangor ?
2. Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang seterusnya dalam usaha meningkatkan kutipan saham wakaf di MAIS?
  - Tempoh jangka pendek berapa tahun dan apakah perancangannya?
  - Tempoh jangka panjang berapa tahun dan apakah perancangannya?
3. Bagaimana pula matlamat dan objektif Saham Wakaf Selangor?
4. Bagaimana dengan pelaksanaan dan perjalanan program-program yang dirancang bagi mencapai matlamat dan objektif pelaksanaan Saham Wakaf Selangor?

**2. Fokus : Pengorganisasian Sumber-sumber Dalam Pengurusan Saham Wakaf Selangor**

1. Bagaimana pengambilan kakitangan dalam pelaksanaan pengurusan Saham Wakaf Selangor dibuat?
2. Bagaimana sumber manusia yang ada di dalam pengurusan Saham Wakaf Selangor dikelolakan dalam membantu meningkatkan kutipan saham wakaf di MAIS?
3. Bagaimana dengan pengelolaan kebajikan kakitangan seperti imbuhan, program peningkatan produktiviti dan kualiti serta program keselamatan dan kesihatan dilakukan?
4. Bagaimana pula pembangunan sumber manusia dilaksanakan dan bagaimana ia menyumbang kepada pengurusan Saham Wakaf Selangor?
5. Adakah kemudahan-kemudahan lain kepada kakitangan yang tidak disebut digunakan untuk membantu melicinkan pengurusan wakaf di MAIS?

**3. Fokus : Kepimpinan Pengurusan Saham Wakaf Selangor**

1. Apakah jawatan yang tertinggi yang bertanggungjawab dalam menguruskan Saham Wakaf Selangor dan apakah ciri-ciri kepimpinan yang ditunjukkan oleh pegawai tersebut dalam merealisasikan tanggungjawab beliau terutama sebagai pimpinan terhadap kakitangan?
2. Bagaimana komunikasi antara dua belah pihak iaitu dan pegawai dan kakitangan?
3. Bagaimana pula reaksi kakitangan bawahan memberi sokongan terutama dalam melaksanakan segala apa yang diarah dan dirancang oleh pegawai tersebut?
4. Bagaimana bentuk motivasi yang diberikan oleh pegawai kepada kakitangan?

**4. Fokus : Pengawasan Pengurusan Saham Wakaf Selangor**

1. Apakah sistem kawalan yang digunakan dalam pengurusan saham wakaf di MAIS?
2. Sejauh mana sistem-sistem pengawasan tersebut berupaya mengawal selia kakitangan dan urusan berkaitan?
3. Adakah terdapat salah laku atau kecuaiian sepanjang menguruskan saham wakaf di MAIS dan bagaimana ia ditangani?
4. Adakah program-program berkaitan yang dilakukan bagi meningkatkan kualiti dan integriti kepada kakitangan dan bagaimana ia dijalankan?

**5. Fokus : Lain-lain yang berkaitan**

1. Bagaimana saham wakaf yang dikumpul diuruskan?
2. Bagaimana pula bentuk penggunaan hasil dari kutipan saham wakaf tersebut?
3. Adakah perancangan tertentu yang akan dilakukan berkaitan pengumpulan saham wakaf ini dan bagaimana?